



SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN 05/2020

**BENKEL DAN PEPERIKSAAN MELAYU ISLAM BERAJA (MIB)
BAGI TAHUN 2020**

Dengan hormat sukacita dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai yang berkelayakan adalah dipelawa untuk mengikuti bengkel dan peperiksaan tersebut di atas.

Syarat-syarat untuk mengikuti bengkel dan peperiksaan adalah seperti berikut:

1. SYARAT UTAMA

- 1.1 Pegawai-Pegawai di bawah Skim Perkhidmatan Pentadbiran Brunei (B.A.S);
- 1.2 Pegawai-Pegawai di bawah Skim Perkhidmatan Perhubungan Awam yang dipersyaratkan untuk menduduki dan lulus peperiksaan Melayu Islam Beraja (MIB);
- 1.3 Pegawai-pegawai dalam Bahagian II yang mahu mengikuti bengkel dan peperiksaan Melayu Islam Beraja (MIB).

2. SYARAT LAIN

- 2.1 **PEGAWAI YANG MEMOHON** untuk menduduki peperiksaan dimestikan mengikuti bengkel dan seterusnya menduduki peperiksaan.
- 2.2 Pegawai yang pernah menduduki peperiksaan MIB tetapi gagal, adalah dikehendaki untuk mengikuti bengkel sebelum menduduki peperiksaan.

Rujukan : JPA/1.6/8/2 Pt.4

Tarikh : 18 Jamadilawal 1441 /14 Januari 2020

Muka surat 1/3

N



3. JADUAL BENGKEL DAN PEPERIKSAAN

BENGKEL	PEPERIKSAAN	TARIKH TUTUP PENERIMAAN BORANG	TEMPAT
13 – 14 April 2020 Isnin dan Selasa	21 April 2020 Selasa	14 Mac 2020 Sabtu	Akan dimaklumkan kemudian
1 – 2 September 2020 Selasa dan Rabu	09 September 2020 Rabu	03 Ogos 2020 Isnin	

** Tarikh-tarikh yang dinyatakan adalah tertakluk kepada sebarang perubahan.

4. TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN

- 4.1 Pemohon hendaklah mengisi Borang Permohonan dengan **lengkap dan teratur**. Borang Permohonan boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi Jabatan Perkhidmatan Awam di www.jpa.gov.bn.
- 4.2 Pemohon boleh menghadapkan Borang Permohonan terus ke Jabatan Perkhidmatan Awam di :

**Unit Perkhidmatan Sumber Manusia
Jabatan Perkhidmatan Awam
Simpang 156, Jalan Kumbang Pasang
Bandar Seri Begawan BA1311
Negara Brunei Darussalam**

atau emel:

info.kapasiti@psd.gov.bn

- 4.3 Pemohon **HENDAKLAH MEMASTIKAN** salinan Borang Permohonan dihadapkan kepada Ketua Jabatan masing-masing untuk mendapatkan kebenaran kelonggaran masa apabila mengikuti bengkel pada waktu bekerja.
- 4.4 Borang Permohonan hendaklah sampai ke Jabatan Perkhidmatan Awam sebelum tarikh tutup.
- 4.5 Borang Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima **TIDAK AKAN DILAYAN.**

Rujukan : JPA/1.6/8/2 Pt.4

Tarikh : 18 Jamadilawal 1441 /14 Januari 2020

Muka surat 2/3



5. HAL – HAL LAIN

- 5.1 Jabatan Perkhidmatan Awam akan menentukan tarikh, tempat dan jumlah pemohon/peserta bagi setiap bengkel dan peperiksaan yang dijalankan.
- 5.2 Pemohon/Peserta yang terpilih akan dimaklumkan melalui laman sesawang rasmi Jabatan Perkhidmatan Awam di www.jpa.gov.bn.
- 5.3 Pemohon/peserta hendaklah menghadapkan surat makluman atas ketidakhadiran untuk menghadiri bengkel dan menduduki peperiksaan **satu (1) minggu** sebelum tarikh bengkel/peperiksaan dijalankan. Bagi hal/alasan/masalah yang diluar jangkaan hendaklah menghadapkan surat tunjuk sebab ke Jabatan Perkhidmatan Awam tidak lewat **satu (1) minggu** selepas tarikh bengkel/peperiksaan.
- 5.4 Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengambil tindakan yang bersesuaian ke atas pemohon yang **TIDAK HADIR / MENARIK DIRI** tanpa makluman dan sebarang alasan yang munasabah. Tindakan ini termasuklah menangguhkan tempoh mendaftar semula bengkel/peperiksaan yang mana difikirkan bersesuaian.

6. KETERANGAN LANJUT

Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung melalui e-mel berikut:

info.kapasiti@psd.gov.bn

Sekian peramba/kaola/saya sampaikan untuk makluman bersama.

وَاللَّهُ وَلِيُّ الْمُؤْمِنِينَ
وَاللَّهُ وَلِيُّ الْمُؤْمِنِينَ

"Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara"
"Bersatu Menjana Kemajuan Negara"

[DR NORFARIZAL BIN OTHMAN]
Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam



**BORANG PERMOHONAN
BENGKEL DAN PEPERIKSAAN MELAYU ISLAM BERAJA (MIB)**

SILA BACA SEMUA ARAHAN DAN PANDUAN SEBELUM MENGISI BORANG INI

ARAHAN UMUM:

- i. Pastikan keterangan yang diberikan adalah lengkap dan teratur.
- ii. Pemohon **hendaklah** menyertakan **salinan kad pengenalan pintar**.
- iii. Pemohon **hendaklah** menyertakan **salinan Surat Lantikan** jawatan pada masa ini.
- iv. Pemohon **HENDAKLAH MEMASTIKAN** Borang Permohonan dihadapkan kepada Ketua Jabatan masing-masing untuk mendapatkan kebenaran kelonggaran masa apabila mengikuti bengkel dan peperiksaan pada waktu bekerja.
- v. Borang Permohonan hendaklah dihadapkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam di alamat berikut:

**Unit Perkhidmatan Sumber Manusia
Jabatan Perkhidmatan Awam
Simpang 156, Jalan Kumbang Pasang
Bandar Seri Begawan BA1311
Negara Brunei Darussalam**

atau emel:

info.kapasiti@psd.gov.bn

- vi. Borang Permohonan yang lengkap hendaklah sampai ke Jabatan Perkhidmatan Awam sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan.
- vii. **Borang Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima TIDAK AKAN DILAYAN.**

Untuk diisikan oleh pemohon:

1. a) Nombor K/P : -

b) Warna : Kuning Merah Hijau

2. Jantina : Lelaki Perempuan

3. Nama pemohon (mengikut Kad Pengenalan Pintar) :

Nota: *Sila pastikan ejaan nama dan gelaran adalah betul dan lengkap untuk kegunaan penyediaan sijil. Sebarang perubahan atau pembetulan tidak akan dilayan setelah sijil dikeluarkan.*

4. a) Jawatan sekarang :

b) Tanggagaji :

c) Tarikh mula lantikan dalam tanggagaji sekarang :

d) Kementerian/Jabatan/ Sekolah tempat mengajar :

No.Telefon :

Pejabat :

Bimbit :

No. Fax :

e-mel :

5. Tarikh bengkel yang dipohon:

BENGKEL	PEPERIKSAAN	SILA TANDAkan ✓	TARIKH TUTUP PENERIMAAN BORANG
13-14 April 2020 Isnin dan Selasa	21 April 2020 Selasa		14 Mac 2020 Sabtu
1-2 September 2020 Selasa dan Rabu	09 September 2020 Rabu		03 Ogos 2020 Isnin

6. Pengesahan pemohon :

Saya akui segala keterangan yang diberikan adalah benar.

.....
Tandatangan Pemohon

Tarikh :

Untuk diisikan oleh Ketua Jabatan :

Saya mengesahkan bahawa keterangan permohonan di atas adalah betul dan saya **menyokong / tidak menyokong*** permohonan ini untuk dipertimbangkan mengikut Bengkel dan Peperiksaan Melayu Islam Beraja (MIB) pada tarikh yang dipohonkan.

.....
**Tandatangan dan Cop Rasmi
Ketua Jabatan**

.....
Tarikh

Nama :

Jawatan :